

# NUTP berusaha bantu ahli terlibat banjir

MERUJUK tulisan **Emzed Emdi** pada 23 Januari, ditegaskan NUTP tidak pernah membelakangkan kebajikan ahli-ahlinya sejak dari dulu hingga kini. Malah kita telah memelopori satu tabung kebajikan yang dapat membantu ahli-ahli yang menghadapi masalah.

Tabung Kebajikan ini perlu diuruskan dengan baik agar semua tuntutan ahli dapat dijelaskan.

Syarat-syarat yang ditetapkan untuk bencana alam ialah rumah mesti mengalami kerosakan teruk dan musnah.

Sebagai kesatuan yang bertanggungjawab, NUTP perlu menguruskan kewangan yang besar jumlahnya dengan berhati-hati kerana tuntutan daripada ahli-ahli adalah dalam jumlah yang besar.

Walaubagaimanapun, pihak NUTP Melaka telah mengambil langkah untuk cuba membantu ahli-ahlinya dengan mengadakan derma kilat, mendapatkan sumbangan dari pihak luar dan dari cawangan-cawangan NUTP. Proses menyalurkan bantuan memerlukan masa.

Pihak kami tidak boleh mengeluarkan wang dari Tabung Kebajikan dengan sewenang-wenangnya.

Tuntutan kematian dari Tabung Kebajikan menelan belanja puluhan ribu teilah pun dijelaskan.

Pembelanjaan wang kesatuan diuruskan mengikut lunas ketelusan. Setiap ahli menabung RM1 sebulan kepada Tabung Kebajikan dan pengurusannya berlandaskan peraturan yang diluluskan oleh Pendaftar Kesatuan Sekerja.

Ketelusan pengurusan kewangan NUTP merupakan kekuatan organisasi.

Oleh demikian, setiap keputusan bukan datang dari individu sahaja tetapi mendapat kelulusan majoriti dan proses ini akan mengambil masa.

NUTP bertindak adil kepada semua ahlinya. Sejak tahun 1999 sehingga 2006, tuntutan Tabung Kebajikan telah mencecah RM3.7 juta.

Pihak NUTP amat simpati terhadap guru-guru yang terlibat dengan banjir di Melaka dan di Johor serta guru-guru yang pernah mengalami nasib yang sama pada tahun-tahun lepas.

NUTP sedang berusaha sedaya upaya membantu mangsa-mangsa banjir yang kini masih terlibat.

Mana-mana ahli NUTP Cawangan Melaka yang terlibat dengan banjir, sila hubungi Cawangan Melaka dengan kadar segera.

**- BORHAN ABDULLAH,  
Pengerusi NUTP Melaka.**